



pelan strategik

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

2021-2025

PENERAJU
TRANSFORMASI
SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI PERAK MENJELANG 2025



pelan strategik

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

2021-2025

pelan strategik

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

2021-2025

Hak Cipta Terpelihara

© Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, 2020

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, 2020.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Tel : 05-209 5000

Faks : 05-255 5026

Web : www.perak.gov.my



kandungan:

Perutusan	02
Senarai Nama Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan	06
Fungsi Bahagian	08
Hala Tuju Strategik Visi dan Misi Nilai-Nilai Bersama	12
Empat Matlamat Strategik 2021-2025	14
Penghargaan	30
Pengenalan	04
Carta Organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	07
Senario Persekitaran	10
• Pihak Berkepentingan, Rakan Strategik dan Pelanggan	
• Isu-isu Strategik dan Analisis Persekitaran	
Strategi dan Formulasi Tindakan Teras Strategik	13
Pemantauan Kajian Semula	29

Perutusan

YANG BERHORMAT **SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Illahi di atas kejayaan kita dalam menghasilkan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2021-2025. Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi komitmen sepenuhnya dalam penerbitan Pelan Strategik ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Pelan Strategik ini merupakan garis panduan bagi memastikan segala perancangan dapat direalisasikan sejajar dengan dasar-dasar Kerajaan Negeri Perak. Fokus pembangunan sekata yang perlu diberikan kepada semua jabatan, memerlukan pelan tindakan yang menyampaikan perkhidmatan secara mampan dan berkesan.

Kerajaan Negeri Perak akan sentiasa memberikan komitmen yang terbaik dalam pelaksanaan pelan tindakan jabatan ini. Saya menyeru kepada seluruh warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak agar kita sama-sama menghayati setiap intipati yang terkandung dalam pelan ini. Kita juga perlu memberikan komitmen sepenuhnya dengan menzahirkan setiap teras serta strategi yang telah dirancang untuk memacu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak sebagai Peneraju Transformasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri Perak Menjelang 2025.

Sekian, terima kasih.

“Fokus pembangunan sekata yang perlu diberikan kepada semua jabatan, memerlukan pelan tindakan yang menyampaikan perkhidmatan secara mampan dan berkesan”

**YB DATO' AHMAD SUAIDI
BIN ABDUL RAHIM**
Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan



Pengenalan

PELAN STRATEGIK PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

**Pejabat Setiausaha
Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan
merupakan tunjang
dan nadi penggerak
Kerajaan Negeri
meliputi aspek
pengurusan dan
perancangan
pembangunan
sosioekonomi ke
arah menjadi sebuah
negeri yang lebih
progresif dan
berdaya saing.**

Bagi memastikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak berjaya merealisasikan visi sebagai Peneraju Transformasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri Perak menjelang Tahun 2025, satu pelan strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2021-2025 diwujudkan untuk menggaris hala tuju dan memperkuatkan sistem penyampaian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dalam menerajui perubahan ke arah yang lebih cemerlang.

Pelan Strategik dirangka melalui pengenalpastian isu-isu strategik dan analisis persekitaran yang menjadi faktor utama penyampaian perkhidmatan yang memberi impak tinggi kepada Pemegang Taruh, Rakan Strategik dan Pelanggan.

Dalam memastikan objektif pelan tercapai, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak memfokuskan kepada empat (4) teras utama dalam pembentukan pelan iaitu pembangunan sosioekonomi, pemerkasaan pengurusan lestari alam sekitar, sistem penyampaian digital dan penyampaian perkhidmatan.



JAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN 2021 - 2025

4

Teras Utama

- 01 • pembangunan sosioekonomi
- 02 • pemerkaan pengurusan lestari alam sekitar
- 03 • sistem penyampaian digital
- 04 • penyampaian perkhidmatan

pelan strategik

2021-2025



Senarai Nama


SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

BIL	NAMA	DARI	HINGGA
1	En. Ahmad B. Osman	01.02.1948	30.06.1949
2	En. Mustapha Albakri B. Hj. Hassan	01.07.1949	13.05.1951
3	En. Osman B. Talib	14.05.1951	13.05.1953
4	En. Ibrahim B. Abdul Karim	14.05.1953	31.12.1953
5	En. Mohamed Hashim B. Mat Dris	01.01.1954	10.03.1956
6	En. Badaruddin B. Alang Ahmad	11.03.1956	04.04.1956
7	Toh Muda Abdullah B. Noordin	05.04.1956	22.11.1959
8	En. Lokman B. Yusof (Pemangku)	23.11.1959	07.02.1960
9	Y.M. Tengku Muhammed B. Tengku Besar Burhanuddin	08.02.1960	16.07.1961
10	Tuan Syed Zahiruddin B. Syed Hassan	17.07.1961	27.12.1962
11	Dato' Mohamed Yusoff B. Hj Ahmad	28.12.1962	05.04.1964
12	En. Mohd Senawi B. Hj. Zainuddin (Pemangku)	16.04.1964	09.02.1965
13	Y.M. Raja Mokhtar B. Raja Yaacob	10.02.1965	30.06.1967
14	En. Murad B. Mohamed	01.07.1967	31.10.1967
15	Dato' Abdul Aziz B. Ismail	01.11.1967	30.06.1970
16	Dato' Ahmad B. Mohd. Yunus	01.07.1970	31.12.1973
17	Dato' Ishak B. Tadin	01.01.1973	21.08.1975
18	En. Nasir B. Tahar (Pemangku)	22.08.1975	14.09.1975
19	Dato' Seri Radin Soenarno B. Radin Soenario	15.09.1975	31.07.1979
20	Dato' Seri Mohamed Khalil B. Hj. Hussien	01.08.1979	09.12.1983
21	Dato' Seri Nurzid B. Mohd. Wali	10.12.1983	26.07.1987
22	Dato' Hj. Ahmad B. Hj. Sa'adi	03.12.1987	26.07.1990
23	Dato' Syed Alwi B. Syed Nordin	16.06.1990	18.10.1993
24	Dato' Samsudin B. Mat Dubi	19.10.1993	15.02.1995
25	Dato' Abdul Habib B. Mansur	16.02.1995	19.02.1999
26	Dato' Hj. Abdul Majid B. Hj. Hussein	20.02.1999	30.11.2000
27	Dato' Dr. Isahak B. Yeop Mohd Shar	01.12.2000	31.03.2004
28	Dato' Hj. Samsul Baharin B. Hassan	19.04.2004	20.08.2004
29	Dato' Abdul Hanan B. Alang Endut	21.08.2004	15.05.2006
30	Dato' Seri Dr. Abdul Rahman B. Hashim	16.05.2006	29.12.2011
31	Dato' Seri Abdul Puhat B. Mat Nayan	30.12.2011	16.04.2018
32	Dato' Haji Mohd Gazali B. Jalal	05.06.2018	09.10.2018
33	Dato' Haji Zainal Azman B. Abu Seman	09.10.2018	01.12.2019
34	Dato' Ahmad Suaidi B. Abdul Rahim	18.12.2019	kini



Carta Organisasi

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



Fungsi Bahagian

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



01 • PEJABAT YAB MENTERI BESAR

Merangka, merancang strategi serta hala tuju pembangunan fizikal dan kerohanian masyarakat ke arah kestabilan negeri dalam bidang ekonomi, politik dan sosial serta menentukan dasar serta pelaksanaan agenda pembangunan di Negeri Perak secara holistik.



02 • BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Mengurus, menyelia, memantau dan menyediakan perkara-perkara berkaitan pengurusan kewangan, pengurusan majlis dan protokol, penyelarasan daerah dan hartanah, pengurusan bangunan dan aset yang cekap, profesional dan teratur di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.



03

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

Berperanan merancang, menggubal dasar serta strategi pembangunan negeri, melaksana dan mengkaji perancangan pembangunan sosioekonomi negeri berdasarkan kepada perancangan makro dan sektoral ke arah mencapai misi dan objektif pembangunan negeri selaras dengan dasar-dasar dan objektif pembangunan negara.



04

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Melaksanakan pengurusan sumber manusia yang berketerampilan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang meliputi pembangunan organisasi, perkhidmatan, latihan dan kompetensi serta pengurusan prestasi dan kaunseling bagi mewujudkan warga perkhidmatan awam yang cemerlang di Negeri Perak.



05

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Merancang, menyelaras dan mengurus pelaksanaan program ICT peringkat Negeri Perak serta melaksanakan pembangunan di samping menyediakan khidmat runding cara mengenai infostruktur dan infrastruktur ICT di Negeri Perak.



06

● BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

Membantu membimbing pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Perak dalam merancang, mengawal dan melaksanakan program-program sosioekonomi dan perkhidmatan perbandaran ke arah pembentukan masyarakat makmur, sejahtera dan berdaya maju selaras dengan matlamat pembangunan di Negeri Perak.



07

● BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI & MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

Mengurus mesyuarat mingguan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), hal ehwal perkhidmatan Ahli MMK, hal-hal yang berkaitan dengan Persidangan Dewan Negeri, memberi perkhidmatan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri serta Bekas Ahli-ahli Dewan Negeri serta mengurus dan memproses Pencalonan Darjah Kebesaran dan Pingat-pingat Negeri.



08

● BAHAGIAN KORPORAT

Mentadbir dan melaksana sistem pengurusan aduan awam dan khidmat pelanggan, hubungan media, publisiti dan penerbitan serta pelaksanaan program kualiti dan inovasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang cekap, berkesan dan profesional bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dapat berfungsi dengan responsif dan efisien.



09

● BAHAGIAN AUDIT DALAM

Berperanan melaksanakan pemantauan, pemeriksaan dan penilaian audit secara bebas dan objektif ke arah meningkatkan kualiti tadbir urus berpandukan akta, pekeliling dan undang-undang yang diguna pakai bagi membudayakan persekitaran kerja yang cemerlang di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.



10

● UNIT INTEGRITI

Bertanggungjawab dalam memastikan pembudayaan nilai dan integriti dalam pelaksanaan tugas dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta mebendung salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan melalui pengukuhan integriti, pengesahan dan pengesahan aduan, pematuhan, tadbir urus dan tatatertib.

Senario Persekitaran



01 PIHAK BERKEPENTINGAN

- Institusi DiRaja
- YAB Menteri Besar Perak
- Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- Kerajaan Persekutuan



RAKAN STRATEGIK

02

- Jabatan/Agensi
- Persekutuan/Negeri/Kerajaan Tempatan
- Badan Berkanun
- Negeri/Persekutuan
- Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
- Agensi Swasta/Pelabur
- Agensi Antarabangsa
- Media



03 PELANGGAN

- Orang Awam
- Anggota Perkhidmatan Awam Negeri/Persekutuan

Isu-isu Strategik & Analisis Persekutaran



MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI SEIMBANG DALAM MEMBENTUK KEADILAN SOSIAL DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

Pertumbuhan ekonomi secara seimbang amat penting dengan merangka ekonomi masa hadapan yang memacu peningkatan produktiviti agar limpahan ekonomi dapat dinikmati dan dirasai oleh semua lapisan masyarakat. Penyediaan peluang yang inklusif bagi memastikan rakyat mencapai kehidupan yang berkualiti melalui penggunaan sumber yang optimum dan pelaksanaan inisiatif yang berteraskan kepentingan rakyat merupakan salah satu hasrat kerajaan negeri.



MENERAJU KELESTARIAN SUMBER DAN ALAM SEKITAR

Kerajaan negeri juga komited untuk memastikan pengurusan sumber semula jadi menjadi lebih efektif dan mampan di

samping memanfaatkannya bagi menjana pendapatan baharu terutamanya melalui sumber tenaga boleh diperbaharui dalam pembudayaan pengurusan lestari alam sekitar. Selain itu, kerajaan negeri amat menitikberatkan program-program atau langkah-langkah kawalan bagi mengurangkan risiko bencana alam sekitar. Terdapat pelbagai program bagi memperkasa kepakaran dan perkongsian maklumat dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan inovasi berkaitan alam sekitar.



MENTRANSFORMASI PENGGUNAAN ICT DALAM SISTEM PENYAMPAIAN DIGITAL

Peningkatan kemahiran dalam penggunaan ICT adalah perlu bagi menyampaikan perkhidmatan yang cepat dan berkualiti kepada rakyat akibat dari perkembangan teknologi ICT yang semakin meluas. Justeru, dalam memastikan pengukuhan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan sistem penyampaian yang berimpak tinggi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak sentiasa meneliti tahap penggunaan, mengenal pasti pelbagai isu dan cabaran serta kelemahan dalam pembangunan ICT selain memfokuskan ke arah mengembangkan aplikasi sedia ada sebagai usaha untuk melaksanakan sistem teknologi dan aplikasi moden bagi

menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat supaya lebih bersepadu, cekap dan berkesan.



MENGINSTITUSIKAN PRINSIP DAN AMALAN TADBIR URUS YANG TERBAIK DALAM SEKTOR AWAM KE ARAH MENCAPAI MTLAMAT PENGURUSAN YANG BERKUALITI

Pengurusan yang berkualiti memerlukan gerak kerja yang efektif, cekap, telus dan berintegriti. Sehubungan itu, penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus dan berkesan dapat merealisasikan strategik pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak sungguhpun terpaksa berhadapan dengan cabaran perubahan persekitaran yang dinamik. Oleh itu, penjawat awam yang berpengetahuan dan kompeten serta mengamalkan tadbir urus yang baik adalah merupakan aset terpenting bagi menjadikan Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak sebuah kerajaan yang memenuhi kehendak pihak berkepentingan, rakan strategik dan pelanggan.

HALA TUJU STRATEGIK



VISI

**Peneraju Transformasi Sistem
Penyampaian Perkhidmatan Awam
Negeri Perak Menjelang 2025**



NILAI-NILAI BERSAMA



● Profesional



● Empati



● Relevan



● Akauntabiliti



● Kreatif



MISI

Memacu Transformasi Pengurusan dan Pembangunan Negeri Perak melalui Tadbir Urus yang Cekap, Inovatif, Kreatif dan Berintegriti demi Kesejahteraan Rakyat

[STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN]

2025
PENCAPAIAN

2023-2024
PEMANTAUAN &
KAJIAN SEMULA

2021-2022
PELAKSANAAN

2020
PENGGUBALAN

EMPAT MATLAMAT STRATEGIK 2021-2025

.01

MEMACU HALA TUJU
PEMBANGUNAN
SOSIOEKONOMI KE
ARAH NEGERI BERDAYA
MAJU, MAMPAAN DAN
INKLUSIF

02

MEMPERKASA
PENGURUSAN LESTARI
ALAM SEKITAR
KE ARAH
PEMBANGUNAN
MAMPAAN



04

MEMANTAP
TADBIR URUS YANG
BAIK, BERINTEGRITI
DAN INOVATIF

03.

MENTRANSFORMASI
SISTEM PENYAMPAIAN
DIGITAL

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

01.



MEMACU HALA TUJU PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI KE ARAH NEGERI BERDAYA MAJU, MAMPAK DAN INKLUSIF

STRATEGI

- 1. Memperkasa Dasar dan Pemantauan**
 - 1. Pembangunan Sosioekonomi yang Inklusif**
 - 2. Pengurusan Sumber Secara Optimum dan**
 - 2. Peningkatan Taraf Hidup**

STRATEGI 1.1

MEMPERKASA DASAR DAN PEMANTAUAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI YANG INKLUSIF

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 Pembangunan Projek/Program Pulau Bebas Cukai Pangkor	i) Bilangan Program ii) Bilangan Projek	i) 10 Program ii) 10 Projek	2021-2025	UPEN
2 Perak sebagai Destinasi Utama Pelancongan Domestik dan Antarabangsa:				
	i) Mewujudkan produk-produk pelancongan ikonik yang baharu ii) Meningkatkan jumlah kehadiran pelancong ke Negeri Perak	i) Bilangan Produk ii) Peratus Peningkatan	i) 5 Produk ii) Peningkatan 5% Pelancong Setiap Tahun	2021-2025
3 Penambahbaikan Pemantauan Projek Pembangunan Negeri				
	i) Mesyuarat/ Pemantauan Prestasi Projek Pembangunan Negeri ii) Pembangunan Sistem Pengurusan Bajet Pembangunan Negeri Perak (eProjek)	i) Mesyuarat / pemantauan ii) Sistem eProjek	i) 12 kali mesyuarat / pemantauan ii) 1 Sistem	2021-2025
4 Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Bagi Projek-Projek Negeri di UPEN	Jawatankuasa	1	2021	UPEN

STRATEGI 1.2

PENGURUSAN SUMBER SECARA OPTIMUM DAN PENINGKATAN TARAF HIDUP

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 Inisiatif Khas:				
i) Projek Pembangunan Semula Perkampungan Nelayan di Pulau Pangkor dan Lumut	i) Peratus Pembangunan Projek	i) 100%	2021-2025	UPEN
ii) Program Perak Prihatin	ii) Bilangan penerima	ii) 20,000 penerima setahun	2021-2023	UPEN
iii) Program Kotak Harapan	iii) Bilangan penerima	iii) 78,000 penerima setahun	2021-2025	UPEN
iv) Rumah Perakku	iv) Bilangan penerima	iv) 50,000 penerima dalam tempoh 2018 hingga 2023 (Manifesto)	2021-2025	UPEN
v) Takaful Tabarruk	v) Bilangan penerima	v) 4,000 penerima setahun	2021-2025	UPEN
2 Memperkasa Sektor Pendidikan:				
i) Program Dermasiswa;	i) Bilangan penerima	i) 10,000 penerima setahun	2021-2025	UPEN
ii) Program Kumpulan Wang Biasiswa;	ii) Bilangan penerima	ii) 37 penerima setahun	2021-2025	UPEN
iii) Biasiswa Menteri Besar Perak	iii) Bilangan penerima	iii) 2000 penerima setahun	2021-2025	UPEN
3 Program Community Feeding Masyarakat Orang Asli	Bilangan pusat	7 Pusat setahun	2021-2025	UPEN
4 Tabung Usahawan				
	i) Bilangan penerima	i) 250 penerima setahun	2021-2025	UPEN
	ii) Bilangan Usahawan Small Enterprise	ii) 100 Usahawan setahun dalam Kategori Small Enterprise	2021-2025	UPEN

02.



MEMPERKASA PENGURUSAN LESTARI ALAM SEKITAR KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAAN

STRATEGI

- 1. Memperkuuh Kesedaran Awam dan**
 - 1. Membudaya Pengurusan Lestari Alam Sekitar**
- 2. Mengurang Risiko Bencana berkaitan Alam Sekitar**
- 3. Memperkasa Kepakaran dan Perkongsian Maklumat dalam Bidang Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi berkaitan Alam Sekitar**

STRATEGI 2.1

MEMPERKUKUH KESEDARAN AWAM DAN MEMBUDAYA PENGURUSAN LESTARI ALAM SEKITAR

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 Pewujudan <i>Blueprint</i>				
i) Green Perak	i) Bilangan <i>Blueprint</i>	i) 1 <i>Blueprint</i>	2021	UPEN
ii) Smart City <i>Blueprint</i>	ii) Bilangan <i>Blueprint</i>	ii) 1 <i>Blueprint</i>	2021	BKT
iii) Landscape <i>Blueprint</i>	iii) Bilangan <i>Blueprint</i>	iii) 15 <i>Blueprint</i>	2025	BKT
2 Penubuhan Santuari Gajah Perak	Bilangan Pusat	1 Pusat	2025	UPEN
3 Kempen Kesedaran Inisiatif Hijau	Bilangan Program	4 Kali Setahun	2021-2025	BKT

STRATEGI 2.2

MENGURANG RISIKO BENCANA BERKAITAN ALAM SEKITAR

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 Program Penanaman Pokok	Bilangan Pokok	2 Juta Pokok Setahun	2021-2025	UPEN
2 Water Transfer Sungai Perak – Tasik Bukit Merah Untuk Menyelesaikan Masalah Pengairan di Kerian	Bilangan Projek	1 Projek	2021-2025 (Fasa 1)	UPEN

STRATEGI 2.3

MEMPERKASA KEPAKARAN DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT DALAM BIDANG PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI BERKAITAN ALAM SEKITAR

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 Kerjasama Pintar Bersama Badan Antarabangsa/IPTA/IPTS/Agensi Berkaitan	Jumlah Penyertaan	1 Kali Setahun	2021-2025	UPEN
2 Konvensyen/Persidangan/Simposium/Ekspos Alam Sekitar				
i) Penyertaan	i) Jumlah Penyertaan	i) 1 Kali Setahun	2021-2025	UPEN
ii) Pembentangan Kertas Kerja	ii) Pembentangan Kertas Kerja	ii) 1 Kertas Kerja	2021-2025	UPEN



12

03.



MENTRANSFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN DIGITAL

STRATEGI

- 1. Menyelaras Data Raya Sektor Awam**
1. Melalui Perkongsian Strategik
- 2. Membangun Aplikasi Digital Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam**
- 3. Memperkuat Keselamatan Infrastruktur ICT**

STRATEGI 3.1

MENYELARAS DATA RAYA SEKTOR AWAM MELALUI PERKONGSIAN STRATEGIK

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 <i>Repositori Perak Big</i>				
Data:				
i) Pembangunan Repositori Data Raya Perak	i) Bilangan Repositori	i) 1 Repositori	2022-2025	BPM
ii) Agensi Penyumbang Data	ii) Bilangan Agensi	ii) 56 Agensi	2022-2025	BPM
2 Hub Perkongsian Data	Bilangan Agensi	5 Agensi Setahun	2021-2025	BPM

STRATEGI 3.2

MEMBANGUN APLIKASI DIGITAL DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 Pembangunan Pelan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Negeri	Bilangan Pelan	1 Pelan	2021	BPM
2 Pemerkasaan Pembangunan dan Pelaksanaan Projek ICT	Bilangan Sistem	4 Sistem Setahun	2021-2025	BPM
3 Program Promosi Aplikasi Digital kepada Orang Awam	Bilangan Program	2 Kali Setahun	2021-2025	BPM

STRATEGI 3.3

MEMPERKUKUH KESELAMATAN INFRASTRUKTUR ICT

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 Program “Perkongsian Pintar”	Bilangan Agensi Kerajaan	2 Agensi Kerajaan Setahun	2021-2025	BPM
2 Membangunkan <i>Application Programming Interface (API)</i> Sistem-Sistem Utama	Bilangan API	1 Standard API	2022	BPM
3 Mempertingkat Perkhidmatan Rangkaian PerakNet Berkelajuan Tinggi kepada semua Jabatan/Agensi Negeri	Peratusan Perkhidmatan Rangkaian PerakNet Berkelajuan Tinggi	10% Jabatan/Agensi Setiap 2 Tahun (56 Jabatan/Agensi)	2022-2024	BPM
4 Memperluas Perkhidmatan <i>Application Hosting</i> Pusat Data dan <i>Data Raya Centre (DRC)</i> Negeri kepada semua Agensi Negeri.	Peratusan Peningkatan Bilangan Aplikasi	10% Bilangan Aplikasi Setiap Tahun (460 Aplikasi Sedia Ada)	2022-2024	BPM
5 Memperluas Liputan Kemudahan Wifi Secara Berterusan	Bilangan Lokasi Strategik	2 Lokasi Strategik Setahun	2021-2025	BPM
6 Pengukuhan Keselamatan Siber Agensi Negeri Dipertingkatkan	Bilangan <i>Security Posture Assessment (SPA)</i>	1 Kali Dalam 2 Tahun	2020-2024	BPM
7 Pengukuhan Pasukan <i>Computer Emergency Response Team (CERT)</i>	Bilangan Latihan Pengukuhan Keselamatan	1 Program Setahun	2021-2025	BPM
8 Pembangunan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan ICT	Dokumen Pelan Kesinambungan Perkhidmatan ICT	1 Dokumen	2021	BPM



04.



MEMANTAP TADBIR URUS YANG BAIK, BERINTEGRITI DAN INOVATIF

STRATEGI

- 1. Memperkuuh Struktur Organisasi,
Pengurusan Sumber Manusia, Keselamatan
Fizikal dan Persekitaran Kerja yang Kondusif**
- 2. Meningkat Kecekapan Pengurusan
Kewangan dan Mekanisme Pemantauan**
- 3. Memupuk Budaya Kerja Berkualiti,
Berintegriti dan Inovatif**
- 4. Memperkasa Tadbir Urus dan Imej
Perkhidmatan Awam**

STRATEGI 4.1

MEMPERKUKUH STRUKTUR ORGANISASI, PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, KESELAMATAN FIZIKAL DAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 i) Membangun Pelan Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) ii) Kajian Keperluan Perjawatan Semua Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak	i) Bilangan Pelan ii) Bilangan Kajian	i) 1 Pelan ii) 1 Pelan	2022	BPSM
2 Pengurusan dan Penyelenggaraan Bangunan Perak Darul Ridzuan & Bangunan Sri Perak	Peratus pencapaian	100%	2021-2025	BKP

STRATEGI 4.2

MENINGKAT KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN MEKANISME PEMANTAUAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Kajian Prestasi bagi Jabatan/Agensi	Bilangan Laporan	3 Laporan Setahun	2021-2025	BAD
2 Pengurusan Perbelanjaan yang Cekap	i) Peratus Perbelanjaan Mengurus ii) Peratus Perbelanjaan Pembangunan	i) 95% ii) 90%	2021-2025 2021-2025	BKP UPEN

STRATEGI 4.3

MEMUPUK BUDAYA KERJA BERKUALITI, BERINTEGRITI DAN INOVATIF


PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 Pelan Anti Rasuah (OACP)				
i) Pejabat SUK Perak	Bilangan pelan peratus pencapaian	1 Pelan 100%	2023	UNIT INTEGRITI
2 Pensijilan Kualiti				
i) MS ISO 9001:2015	i) Bilangan Pensijilan	i) 1 Pensijilan	Setiap 2 Tahun (2021, 2023, 2025)	BK
ii) Anti-Bribery Management System (ABMS MS ISO 37001)	ii) Bilangan Pensijilan	ii) 1 Pensijilan		UNIT INTEGRITI
iii) Information Security Management System (MS ISO/IEC 27001: 2013)	iii) Bilangan Pensijilan	iii) 1 Pensijilan		BPM
iv) Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	iv) Pensijilan	iv) Pensijilan Cemerlang		BK
v) Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP)	v) Penarafan Bintang	v) 5 Bintang		BKP
3 Pembudayaan Kualiti dan Inovasi dalam Kalangan Penjawat Awam	Jumlah penyertaan	50% daripada jumlah Penjawat Awam Negeri Perak Jumlah Penjawat Awam Negeri Perak 13,386 Orang	2025	BK

STRATEGI 4.4

MEMPERKASA TADBIR URUS DAN IMEJ PERKHIDMATAN AWAM

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
1 Semakan Semula Proses Kerja, Peraturan dan Undang-Undang yang Telah Lapuk di Semua Bahagian di Pejabat SUK Perak	Pematuhan kepada <i>Good Regulatory Practice (GRP)</i>	100%	2021-2025	UNIT INTEGRITI
2 Pembangunan Pelan :				
i) Pelan Strategik ICT	i) Bilangan Pelan	i) 1 Pelan	2021	BPM
ii) Pelan Pengurusan Risiko	ii) Bilangan Pelan	ii) 1 Pelan	2021	BK
3 Hebahan Maklumat Terkini Secara Meluas dan Proaktif Kepada Rakyat	Bilangan Medium Hebahan	2 Medium	2021-2025	BK
		i) Media Elektronik (Portal, Facebook, Instagram, Skrin LED, TV Digital Perak)		
		ii) Media Cetak (Buletin, Risalah dan Buku Laporan Tahunan)		
4 Pengurusan Aduan yang Cekap	Peratus Penyelesaian Aduan Awam SISPAA	85%	2021-2025	BK
5 Kajian Kepuasan				
i) Pelanggan	Peratus Kepuasan	i) 85%	2021-2025	BK
ii) Pekerja		ii) 85%		

Pemantauan Kajian Semula



PEMANTAUAN KAJIAN
SEMULA PELAN STRATEGIK
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERAK TAHUN 2021-2025



PENGHARGAAN

YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)

TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI &
MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

PEJABAT MENTERI BESAR

UNIT AUDIT DALAM

BAHAGIAN KORPORAT

UNIT INTEGRITI

PASUKAN PERUNDING, UNIT PEMODENAN TADBIRAN
DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)



**PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN
PERAK DARUL RIDZUAN**

Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30100 Ipoh, Perak

T: (605) 209 5000 F: (605) 255 5026
Emel : prosuk@perak.gov.my
Fb : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

www.perak.gov.my